

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PADANG PERMAINAN BAGI TEMPOH SATU (01) TAHUN DI UITM CAWANGAN TERENGGANU, KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU.

C. PENYELENGGARAAN PADANG BERUMPUT

Jumlah padang berumput meliputi

1. Stadium Komplek Gemilang - Padang Permainan

1. Menyiram

- Kontraktor tidak dibenarkan sama sekali mengambil air daripada pili bomba
- Kerja penyiraman adalah setiap hari kecuali hari hujan (bergantung kepada keperluan). kekerapan kerja penyiraman perlu ditambah pada musim panas.
- Kerja-kerja penyiraman menggunakan air boreng atau air didalam tangki di dalam rumah pump yang disediakan.

Kaedah Penyiraman Untuk Padang Permainan

- Jumlah air yang dibekalkan mestilah mencukupi sehingga tanah di sekeliling basah, minimum 150 mm dalam .
- Kuantiti air dan kekerapan penyiraman adalah bergantung kepada keadaan cuaca. Secara asasnya, kadar penyiraman adalah 1 kali sehari iaitu waktu pagi dan waktu Petang (sebelum terik matahari). Kadar penyiraman boleh dikurangkan pada musim hujan, mengikut arahan P.Penguasa.
- Penyiraman perlu dielakkan pada waktu berikut:
 - Waktu tengah hari – untuk mengelakkan daun atau batang melecur.
 - Lewat petang – untuk mengelakkan jangkitan virus dan kulat yang disebabkan oleh kelembapan tanah yang tinggi.
- Penyiraman perlu dilakukan pada pangkal tanaman dengan kadar kedalaman 150mm atau sehingga tanah kelihatan basah.

- Elakkan pancutan air yang terlalu kuat atau deras untuk mengelakkan kerosakan rumput atau tanah jika siram dilakukan secara manual
- Kualiti air untuk siraman mestilah bebas dari bahan kimia, kekotoran dan tidak mengandungi garam terlarut yang tinggi.
- Kaedah penyiraman menggunakan sprinkler adalah digalakkan untuk menjimatkan masa dan tenaga kerja. Penggunaan 'sprinkler system' adalah kaedah penyiraman yang berkesan untuk kawasan penanaman penutup bumi/rumput yang luas.
- Kaedah siraman secara manual (*hand watering*) perlu dibuat jika siraman padang tidak rata. Siraman secara manual menggunakan sambungan dari paip tangki yang disediakan.

2.. Potong Rumput

- Kadar pemotongan adalah 2 **kali seminggu**
- Pemotongan dibuat menggunakan traktor boleh laras dan menggunakan tayar berbunga halus disyorkan menggunakan mesin Jacobsen Greens King IV atau setaranya
- Pemotongan dibuat dengan pendek dan rata anggaran 2.5cm dari paras tanah
- Setelah selesai kerja-kerja pemotongan rumput. Kontraktor hendaklah membersihkan segala sisa pemotongan rumput dan membawa sisa tersebut keluar dari kawasan uitm ke tempat yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan.
- Kontraktor perlu menggunakan peralatan keselamatan seperti cermin mata keselamatan/cermin pelindung, kasut keselamatan/boot getah tinggi, sarung tangan dan overall berwarna oren semasa menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput.
- Pihak syarikat juga perlu mengelakkan kerosakkan atau kecederaan terhadap tanaman, harta benda dan orang ramai. Sebarang kerosakan adalah menjadi tanggungjawab pihak syarikat.



3. Membaja


- Membaja rumput pada kadar 2 bulan sekali
- Baja yang dibenarkan dari jenis sebatian pada kadar 1kg / 10 meter persegi atau baja yang diluluskan wakil P.Penguasa
- Menabur baja menggunakan alat yang betul (mesin spreader) yang bersesuaian
- Membaja secara rata dan konsisten dari dua arah untuk memastikan seluruh padang menerima kadar baja yang sama
- Penyiraman segera dilakukan selepas membaja



Contoh membaja padang bola menggunakan kaedah mesin spreader atau secara man

4. Membuat Garisan Gelanggang Permainan

- Garisan dibuat mengikut keperluan atau arahan daripada pihak UiTM.
- Garisan dibuat daripada cat emulsi putih atau "duracourt emulsion"
Menggunakan kaedah secara manual ataupun kaedah mesin
- Perubahan jenis padang boleh dibuat melalui arahan wakil penguasa
atau pegawai Unit Sukan



Ukuran Standard Bola Sepak